



JILID #3

ABRAHAM
LINCOLN

TAHUN-TAHUN AKHIR PERANG

CARL SANDBURG



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA

ABRAHAM

LINCOLN

TAHUN-TAHUN AKHIR PERANG





ABRAHAM LINCOLN TAHUN-TAHUN AKHIR PERANG

CARL SANDBURG

Terjemahan
Amin Ahmad

PUSTAKA PERDANA



1012481





Abraham Lincoln: Tahun-tahun Akhir Perang

terjemahan daripada
Abraham Lincoln 'The War Years'

diterjemah oleh
Amin Ahmad

diterbitkan oleh
Awal Nahdah Resources
41, Jalan Tanjung 2A
Seksyen BS2, Bukit Sentosa
48300 Rawang Selangor
(awalnahdahr@gmail.com)

dengan sokongan
Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Cetakan Pertama, 2017

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan--dalam--Penerbitan

Sandburg, Carl, 1878-1967
ABRAHAM LINCOLN : TAHUN-TAHUN AKHIR PERANG /
CARL SANDBURG ;
Terjemahan Amin Ahmad
(Siri Pencerahan Selangor)
ISBN 978 967 2117 00 1

1. Lincoln, Abraham, 1809-1865. 2. United States--History--Civil War--1861-1865. I. Amin Ahmad. II. Judul. III. Judul: Translation of: Sandburg, Carl. Abraham Lincoln The War Years. IV. Siri 973.7092

© Hak cipta terpelihara. *Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.*

font Athelas

dicetak di
Mj Production
No. 23 Jln. PBS 14/13
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan, Selangor.

Kandungan

Bab 41	Adakah Lincoln Akan Dicalonkan Semula Oleh Partinya?	7
Bab 42	Jay Cooke – Tunai untuk Perang – Masa Sukar - Pengosongan	31
Bab 43	Keinginan Chase Bertanding Menjadi Presiden	47
Bab 44	Musim Bunga 1864 – Darah dan Kemarahan	69
Bab 45	Serangan Grant, 1864 – Kebebasan Akhbar – Lincoln Melawat Tentera	93
Bab 46	Lincoln – Johnson Calon Parti Kesatuan Nasional	105
Bab 47	Washington Bertahan – Bebelan Keamanan	121
Bab 48	“Bulan Perang Paling Kelam” – Ogos 1864	149
Bab 49	Kempen Sengit Musim Luruh 1864	175
Bab 50	Ketawa Lincoln – dan Agamanya	201
Bab 51	Pengampun	233
Bab 52	Lelaki Yang Menjadi Persoalan	263
Bab 53	Hari Pilihan Raya, 8 November 1864	297
Bab 54	Lincoln Menamakan Ketua Hakim	307
Bab 55	“Tentera Hilang” – Serangan dan Pertumpahan Darah di Selatan – Tahanan Perang	313
Bab 56	Tahun Pahit 1864 Sampai Ke Penghujung	341
Bab 57	“Selamanya Bebas” – Perkara Ketiga Belas	363
Bab 58	Asap Tebal – Asap Hitam	371
Bab 59	Pelantikan Kali Kedua	401
Bab 60	Rutin Eksekutif Yang Tidak Pernah Habis	411

Bab 61	Lincoln Melawat Tentera Grant – Grant Memecahkan Barisan Tentera Lee	423
Bab 62	Kejatuhan Richmond - Appotamox	445
Bab 63	“Bukan Dengan Hati Yang Berduka, Tetapi Gembira”	461
Bab 64	Rundingan – Satu Impian Yang Tidak Mudah	469
Bab 65	Kalendar Menunjukkan <i>Good Friday</i>	477
Bab 66	Bulan Merah	493
Bab 67	Terkejut – Pembunuh – Orang Yang Tersiksa	515
Bab 68	Sebatang Pokok Boleh Diukur Dengan Lebih Baik Bila Ia Tumbang	537
Bab 69	Pertunjukan Besar Gilang-Gemilang, Kemudian Diam Yang Abadi	551
	Sumber-sumber rujukan dan penghargaan	564
	Daftar kata	573

Adakah Lincoln Akan Dicalonkan Semula Oleh Partinya?

SEBAGAI SEORANG pemimpin kumpulan parlimen, Thad Stevens, berterusan mendesak program tanpa belas kasihannya terhadap Selatan, penyunting-penyunting berita dan cakap-cakap orang ramai di Utara yang semakin sering menyatakan bila Jefferson Davis dan pemimpin-pemimpin pemisah akan digantung atau ditembak. Pelaksanaan hukuman mati secara beramai-ramai dijangkakan.

Nada Kongres terkandung jaminan bahawa Amerika Syarikat akan bertahan untuk satu tempoh masa yang lama, dan akan ada Kuasa Dunia yang berkembang di Utara, sangat besar dalam perdagangan dan industri dari pinggir laut ke pinggir laut yang lain. Di Selatan, harapan kian menipis tentang kemungkinan yang ditakuti iaitu Konfederasi akan mati, Selatan yang lama musnah, di mana kelas pemerintahnya jatuh dalam kehinaan. Satu harapan yang masih bertahan ialah kumpulan di Utara yang mahukan perdamaian akan melemahkan pentadbiran Lincoln sehinggakan nanti dia berputus asa daripada meneruskan perang.

Menjadi tugas khusus Lincoln memerangi harapan Selatan dan melemahkan mereka. Sebagai sebahagian



daripada tugas dia tidak boleh putus hubungan dengan Kongres begitu juga membiarkan perpecahan serius berlaku. Ada yang mengharapkan dia memiliki badan perundangan yang teruk. Dia mengambil mereka yang pintar dan berkelelahan. Nasihat wajar, perbincangan dan pertanyaan, dan tanpa nada mencari salah, menonjol dalam kertasnya di dalam muka surat-muka surat *Congressional Globe* yang kerap menyelitkan perkara, "Satu mesej dalam bentuk tulisan diterima daripada Presiden Amerika, oleh Encik Nicolay, Setiausaha Sulitnya." Dia menyampaikan satu laporan "menurut resolusi Senat." Dia "sesungguhnya mencadangkan" satu undang-undang dipinda. Dia akan "menarik perhatian awal Kongres" terhadap perkara ini. Atau dia akan membentangkan kepada Kongres sepucuk surat daripada sebuah jawatankuasa penting mewakili empat bandar besar di Utara yang tidak jelas tentang apa yang patut dilakukan dengan peningkatan penduduk Negro yang bebas di tempat mereka. "Tidak mempunyai masa untuk membentuk penilaian sendiri yang matang berkenaan sama ada rancangan yang dicadangkan oleh mereka adalah yang terbaik, saya menyerahkan keseluruhan perkara ini kepada Kongres, menganggap perhatian mereka kepadanya diperlukan secara hampir mustahak."

Pada awal tahun 1864 beberapa surat khabar bersetuju dengan orang *Free Press* Detroit di Washington: "Tidak ada seorang pun Senator boleh dinamakan untuk menyokong Lincoln dinamakan semula sebagai Presiden." Mana-mana Senator yang mahukan Lincoln untuk penggal kedua tidak menyatakannya secara terbuka. Tentang hal ini media parti Republikan terutamanya diam.

Di Dewan hanya seorang Ahli Kongres yang benar-benar menyokong Lincoln. Seorang editor Pennsylvania yang melawat Washington berkata kepada Thaddeus Stevens, "Perkenalkan saya dengan beberapa Ahli Kongres yang tidak ada masalah jika Lincoln dicalonkan semula sebagai Presiden." "Ikut saya," kata Stevens. Dia membawa editor ini menemui Isaac N. Arnold dan berkata: "Orang ini mahu mencari seorang ahli Kongres yang menyokong



Lincoln. Kamu satu-satunya yang saya tahu, dan saya datang untuk memperkenalkan rakan saya kepada kamu.” “Terima kasih,” kata Arnold. “Saya kenal ramai lagi dan saya akan membawa rakan kamu kepada mereka, dan saya harap kamu, Encik Stevens, juga bersama kami.” Begitulah Arnold secara teliti merekodkan apa yang berlaku.

Motif bercampur Stevens dan beberapa rakannya boleh dikumpulkan daripada bahagian sepucuk surat Stevens pada tahun itu kepada seorang rakan baiknya, J. B. McPherson: “Betapa sedikitnya pengetahuan Presiden kita tentang hak-hak perang dan undang-undang negara! Namun apa yang boleh kita lakukan? Mengutuknya secara tertutup dan memujinya secara terbuka!”

Kenyataan tunggal pada waktu itu yang menyokong penamaan semula Lincoln sebagai calon Presiden disampaikan sama ada di Senat atau Dewan dibuat oleh Arnold semasa minggu pertama tahun itu dan pada bulan Mac. “... Saya bertanya rakan-rakan yang setia dan ghairah memperjuangkan kebebasan untuk memberikan kepercayaan penuh kepada Abraham Lincoln. Jika kamu merasakan dia perlahan, atau jika kamu merasakan dia membuat kesilapan, ingatlah bagaimana sering masa membuktikan kebijaksanaannya. Orang ramai di mana-mana mempercayai dan menyukainya ... Kamu mempunyai seorang Ketua Majistret ... bijak, tegas, jujur dan benar. Mungkin agak kasar dan kurang sopan, tetapi di sebalik perwatakan luaran ini dia ialah wira yang sebenar ... Lihat sejak lima tahun ke belakang, dan Encik Lincoln memiliki pengaruh lebih besar di hati rakyat teramai dan dalam membentuk pandangan umum berbanding mana-mana orang lain.”

Demikian Isaac N. Arnold, 49 tahun, pernah menjadi guru sekolah negara di Negeri New York, kerani bandar Chicago pada tahun 1837, menjadi pengamal undang-undang di Cook County, menyatakan di dalam *Congressional Globe* tanggapan terhadap Lincoln sebagai seorang wira. Pada masa itu dan banyak bulan selepasnya tidak ada mana-mana ahli Dewan atau Senat menyatakan pendirian dan menyatakan sebarang tanggapan yang sama.

Washburne pada November 1863 menulis kepada Lincoln bagi pihak dua orang eksekutif dan bertanya sama ada parti boleh mengharapkan Lincoln untuk penggal kedua. Lincoln membalas bahawa dia melampirkan surat cuti kepada salah seorang daripada abang Washburne daripada tugas tentera, manakala seorang lagi abangnya diberikan jawatan pengumpul hasil kastam di Portland, Maine, memberikan semua apa yang diminta oleh Washburne. Untuk ini Lincoln menambah ucapan terima kasih untuk kata-kata perangsang dan niat yang baik dan “Penggal kedua merupakan satu penghormatan besar dan usaha yang besar, di mana, kedua-duanya, mungkin tidak akan ditolak oleh saya jika ditawarkan.”

Tentang Owen Lovejoy, perlu diketahui bahawa pada awal tahun 1864 dia jatuh sakit berbulan lamanya. Lincoln mendapat satu nota daripadanya yang mengatakan: “Saya semakin pulih dengan sangat perlahan. Usaha keras perlu dibuat untuk menaiki bukit.” Dan Lincoln telah berulang-kali berkunjung di sisi katil Lovejoy, pernah sekali memberitahu veteran penghapus perhambaan ini: “Perang ini mengambil banyak masa saya. Saya mempunyai firasat yang kuat bahawa saya tidak akan hidup untuk melihat ianya berakhir.”

“Penentangan terhadap Encik Lincoln,” tulis Ahli Kongres Republikan Indiana George W. Julian, “dalam diam diraikan oleh ramai mereka yang paling cekap dan paling patriotik pada waktu ini ... Daripada ramai Republikan yang lebih bersungguh dan terlibat dalam kedua-dua Dewan Kongres, mungkin tidak ada satu persepuluh yang benar-benar menyokongnya [dinamakan semula sebagai calon Presiden].” Tidak ada penulis pada waktu itu menyatakan secara terbuka dengan jelas kebangkitan dan motif penentangan ini, atau tahap penentangan yang ada. Tentulah, Lincoln telah pergi terlalu jauh – atau tidak cukup jauh – dalam tindakan dan dasar-dasarnya; dialah Orang Di Tengah-Tengah. Namun ini tidak menjelaskan mengapa Kongres sakit hati, sangsi, cemburu, hampir sepenuhnya diam tentang penerimaan orang ramai terhadapnya. Hampir semua peramal politik pada awal

tahun 1864 melihat arus popular yang kuat di Utara bersama Presiden. *Herald New York*, *World New York*, *Free Press Detroit*, mengisytiharkannya sebagai fakta yang tidak menyenangkan, manakala *Times New York* dan akhbar-akhbar lain bersetuju dengan *Tribune Chicago*: “Setakat yang boleh dikumpulkan, orang ramai secara umumnya mahu memilih Lincoln, bila tiba masanya pilihan raya ... Tuhan memaksudkannya dia untuk Presiden, atau negara ini diperdaya.”

Seorang rakan Gabenor John Andrew dari Massachusetts mencatatkan bahawa tingkah laku Lincoln yang begitu bersahaja pada masa itu merendahkan pandangan terhadapnya sehingga ia secara rahsia menjadi faktor yang menyelubungi pemilihan Presiden pada tahun 1864. Kerahsiaan ini, juga dicatat oleh rakan Gabenor Andrew, “adalah sesuatu yang mengagumkan; terdapat begitu ramai yang memberi perhatian kepadanya; bila semuanya kelihatan, ia akan membentuk satu muka surat yang ganjil dalam sejarah pada masa itu.” Dia menulis:

...laporan dari Washington pada tahun 1863 turut memasukkan bahasa yang tidak penting dan keriangangan dalam diri Presiden, yang tentunya menjengkelkan ramai orang yang serius ... terdapat satu ciri anekdot berkaitan ... Dewan perundangan terkenal dalam meluluskan resolusi menentang perhambaan ... satu jawatankuasa membawa keputusan dalam beberapa patah perkataan seringkas mungkin.

Seorang rakan Gabenor, yang juga memegang satu jawatan rasmi, mahu menyampaikannya secara peribadi kepada Presiden. Ianya menurut tulisan pada manuskrip kulit, dengan meterai besar dilampirkan, dan banyak birokrasi. Tiba di Washington, pembawa utusan bertemu Presiden melalui temu janji pada pukul 11 keesokan harinya, untuk membentangkan resolusi Komanwel Massachusetts ini.

Ketua Majistret negara duduk di sebuah kerusi tangan, dengan satu kaki di atas siku, manakala utusan Massachusetts menyampaikan manuskrip kulit dengan ucapan ringkas.



Presiden mengambil dokumen, perlahan-lahan membukanya, dan menyatakan secara aneh tetapi menarik, "Nampaknya, ia tidak cukup panjang untuk menakutkan seseorang!" Bukanlah luar biasa bila pegawai Massachusetts itu berkata semasa meninggalkan bilik, "Dia pastinya seorang yang luar biasa sebagai Presiden Amerika Syarikat!"

Begitulah satu peristiwa yang digambarkan oleh Andrew terhadap pergerakan anti-Lincoln. Ianya begitu menakutkan. Oleh kerana Andrew dianggap sebagai bukan ahli politik biasa yang menyertai kumpulan anti-perhambaan. Dia telah mengumpul tentera dan dana dengan kesetiaan yang sukar disamai oleh mana-mana gabenor negeri yang lain. Dia disebut oleh rakan-rakan sebagai sebuah harapan untuk kekal menjadi Presiden kerana pembawaannya yang bersih dan lelaki yang kasar. Berada di pusat perjuangan anti-perhambaan yang paling aktif, dikelilingi oleh orang-orang baik yang tidak sabar dengan perlahannya Presiden terhadap isu ini, Gabenor Andrew melihat kepada selain Lincoln untuk menjadi Ketua Majistret. Dia menulis sejurus selepas Presiden membuat Pengisytiharan Pembebasan, "Ianya satu dokumen yang lemah, tetapi satu tindakan yang kuat, perlahan, seperti teragak-agak, salah dalam penundaannya sehingga Januari, tetapi akhirnya besar dan mengagumkan." Andrew kini duduk di Beacon Hill, tegap, lelaki berdada bidang, berambut keriting di kepala yang bulat, wajahnya rata dengan kebaikan hati, hampir seperti budak lelaki yang comel dan suci, matanya merenung di sebalik cermin mata, menantikan hasil daripada usaha kesetiannya, keputusan yang lebih cepat berbanding apa yang boleh diberikan oleh Lincoln.

Pada awal Februari Lyman Trumbull menulis kepada H. G. McPike dari Alton, Illinois: "Perasaan terhadap pemilihan semula Lincoln kelihatan begitu umum, tetapi kebanyakannya saya dapati hanya di permukaan. Kamu akan terkejut, jika bercakap dengan orang ramai yang kami temui di sini, bila mendapati betapa sedikit, bila kamu cuba mendapatkan sentimen sebenar, yang menyokong pemilihan semula Encik Lincoln. Ada rasa tidak percaya dan

takut bahawa dia sangat tidak dapat membuat keputusan dan tidak cekap dalam menghentikan pemberontakan. Kamu jangan terkejut jika satu reaksi berlaku sebelum penamaan calon, yang menyokong beberapa orang yang sepatutnya memiliki lebih banyak tenaga dan cenderung tidak percayakan budak-budak kita di tangan dan di bawah kepimpinan jeneral-jeneral yang tidak ada hati dalam perang. Penentangan terhadap Encik L. mungkin tidak kelihatan langsung, tetapi jika ia tercetus akan terdapat lebih banyak daripada apa yang ternampak kini.”

Kemesraan kebaikan hati *Evening Post* New York berubah kepada sesuatu yang agak menakutkan. “Kami mengecam hasutan penamaan calon Presiden yang sebagai pra-matang ... usaha yang besar dan penting masih belum dibuat sebelum kami boleh menentukan seorang yang berkemungkinan diterima oleh orang ramai atau seseorang yang paling berbaloi untuk diberikan kepercayaan mentadbir pemerintahan semasa tempoh empat tahun akan datang.”

Dalam editorial satu kolum pada pertengahan Februari 1864 Greeley seperti ledakan daripada pelantak Joshua¹ yang diharap dapat merobohkan dinding Jericho Lincoln. Adakah Encik Lincoln begitu tinggi mengatasi semua calon lain sehinggakan tidak ada yang lain boleh dipertimbangkan? “Jawapan kami negatif,” tulis Greeley. “Meskipun dengan ikhlas mengakui bahawa Encik Lincoln telah berbuat yang baik, kami tidak melihat ia sepenuhnya menggambarkan bahawa Gabenor Chase, Jeneral Frémont, Jeneral Butler atau Jeneral Grant tidak boleh berbuat sebaiknya.” Dalam cetakan semula ledakan satu kolum Greeley, *Tribune* Chicago tidak memberikan kredit “kenyataan awalnya” kepada sesiapa, “hanya menjadi pisau Greeley sebelum diguna untuk menikam,” secara editorialnya menganggap keupayaan Lincoln “sekurang-kurangnya sama, jika tidak lebih daripada mana-mana calon yang mungkin dipilih.”

1 Nota penterjemah: dari kisah Bible. Joshua dalam sejarah Muslim dikenali sebagai Yusha' bin Nun.

Republikan mempunyai lima calon untuk Presiden yang disenaraikan oleh *World New York* “mengikuti kebolehsediaan dan peluang kebarangkalian dipilih”: Abraham Lincoln, Salmon P. Chase, John C. Frémont, Nathaniel P. Banks, Benjamin F. Butler. Untuk mengalahkan Lincoln bermaksud secara mudahnya menamakan Chase, *World* menyimpulkan. “Hanya penyokong Chase berkepentingan untuk menghalang Lincoln.”

Ben Butler terdiri-diri bersedia. Orang-orang Chase menawarkannya tempat kedua bersama bintang pilihan mereka, Butler tersenyum kerana walaupun dia masih belum berjaya merampas Richmond, mereka menyambutnya pulang sebagai calon utama atas tiket Kesatuan. Kesediaan Sumner hanya sedikit dibayangkan. Dan setiausaha Sumner, Edward L. Pierce yang teliti dan cermat, merekodkan “rasa tidak percaya Sumner terhadap tahap kecergasan Encik Lincoln untuk kekal di tempatnya.”

Senator-senator dan Ahli-ahli Kongres yang ikut serta dalam pergerakan anti-Lincoln hampir semuanya pernah dibantu oleh Presiden. Dia memberikan mereka lebih daripada yang diminta dalam persoalan dasar pembebasan dan persenjataan Negro. Ini membimbangkan Thurlow Weed di New York, yang pernah menulis kepada Hakim David Davis, “Mereka semua akan menentanginya pada tahun 1864, mengapa dia mendesak untuk memberikan mereka senjata yang menyebabkan kekalahannya untuk dinamakan semula sebagai calon?”

Dengan sentuhan warna jingga fajar menyinsing dan bau samar kerinduan, Cik Anna Elizabeth Dickinson melompat masuk ke arena pro-Lincoln Washington dan menenggelamkan anti-Lincoln. Dia mendapat nama sebagai Pemidato Wanita, telah membina bakat kelancaran dan jenaka halus, membina dan membawa bersama kepetahan yang menjadikannya obor janji kepada ribuan yang pernah mendengar dia berpidato di atas pentas. Potongan rambutnya yang perang berangan di kepalanya yang terletak, kecantikannya yang asli, tubuhnya yang seimbang, penguasaan diri, suara kontraltanya yang sempurna, perbincangannya tentang isu-isu penting

bermula dengan serius dan mengalir secara tiba-tiba kepada rayuan yang bersungguh-sungguh untuk mengembalikan perikemanusiaan dan kesucian kebebasan manusia – ini telah menyebabkan dia dibandingkan dengan Maid of Orleans yang menyelamatkan negara Perancis ketika semua yang lain hancur.

Dia baru sahaja melepasi usia 21 tahun ketika pada 16 Januari 1864, dia berucap tentang urusan yang mendapatkan 1,031 dolar Amerika untuk Pertubuhan Penyelamat Freedman di dalam dewan Dewan Perwakilan, Speaker Colfax duduk di sebelah kanannya, Naib Presiden Hamlin di kirinya, Presiden di sebuah kerusi lebih jauh di tempat utama. “Bagaimanakah, bibir yang masih muda itu, bertutur dengan mudah dengan bahasa yang indah!” tulis N. P. Willis. Yang lain-lain memanggilnya sebagai satu lagi ucapan di atas tunggul kayu. Dia merujuk kepada Presiden seolah-olah patut dicalonkan dan dipilih semula. Menurut *Free Press Detroit* pada satu hari, “Anna Dickinson yang pintar telah mencalonkan semula Abraham Lincoln yang dungu.”

Dua bulan kemudian Cik Dickinson, di Dewan Metropolitan di Chicago, berucap panjang tentang Perisytiharan Pengampunan Presiden sebagai satu bentuk kekikiran dan merampas fungsi Kongres: “Presiden ialah seorang peguam, dan beramal di Barat; adalah menghairankan dia tidak tahu sumpah orang-orang seperti itu [pemberontak yang dipulihkan] tidak lebih daripada sekadar angin kosong ... Mereka ini perlu dihukum. Carolina Selatan mesti dibahagikan kepada lot-lot dua puluh ekar, dan sebanyak mungkin negro mendiaminya sebagaimana boleh didapati di sana.”

Satu bulan kemudian Cik Dickinson membuat panggilan ke Rumah Putih, mewawancara Presiden, kemudian ke Boston dan dalam syarahan umumnya telah mensatirakan pentadbiran dan mengkarikaturkan Lincoln, loghatnya dan pakaiannya, ketika dia melaporkan wawancaranya. Lincoln berkata kepadanya: “Mereka kata kamu menyokong saya. Saya mahu tahu bagaimana dengannya.” Dia menyampaikan dasar pembebasannya

Perang masuk ke tahun keempat, tahun pemilihan Presiden akan diadakan. Jemu yang mula dirasakan ramai, cita-cita ahli-ahli politik Republikan dan Demokrat, serta keinginan Konfederasi membentuk satu tekanan tersendiri kepada Lincoln.

Kelicikan Lincoln dalam menentukan prinsip yang tetap tetapi anjal membolehkannya kekal menjadi calon Presiden, memenangi perang sebelum pilihanraya dan sekaligus kekal sebagai Presiden bagi penggal kedua.

Ketika banyak desakan agar pengkhianat-pengkhianat Konfederasi dihukum keras, Lincoln mengambil pendekatan sederhana dengan mengajak seluruh warga memberi tumpuan kepada pemulihan semula negara itu.

Baru sekitar sebulan setelah dilantik secara rasmi untuk kali kedua, mimpi dan isyarat yang terjelma dalam bentuk puluhan surat ancaman bunuh terhadapnya akhirnya menjadi kenyataan. Lincoln mati ditembak sebelum sempat memulihkan negara yang dicintainya.

Namun, dunia terus mengenang Abraham Lincoln sebagai pemimpin politik yang berani mengambil risiko menghapuskan perhambaan – institusi gelap yang membenamkan kemuliaan insan.

libde

Dengan sokongan:



Dengan kerjasama:



9 789672 117001